

NO. SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 19 MAC 2018

SOALAN :

YB. Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan senarai nama syarikat-syarikat pengendali umrah yang telah dikenal pasti melakukan penipuan dan tindakan susulan terhadap syarikat-syarikat tersebut.

109

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama-nama syarikat yang dibatalkan lesen kerana terlibat dengan pelanggaran peruntukan Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] telah disenarai dan dihebahkan melalui laman sesawang rasmi Kementerian di www.motac.gov.my. Syarikat-syarikat yang disiarkan dalam laman sesawang MOTAC adalah syarikat yang melanggar pelbagai peruntukan AIP 1992 seperti menjalankan perniagaan dengan cara yang memudaratkan kepentingan orang awam, mencemar imej industri pelancongan dan/atau boleh menjejaskan imej serta ekonomi negara. Dari tahun 2009 sehingga 2017, sebanyak 15 syarikat berkaitan umrah/ziarah telah dibatalkan lesen atau dilarang menjalankan perniagaan pelancongan ke luar negeri (Outbound).

Senarai agensi pelancongan yang menawarkan pakej umrah/ziarah yang telah diambil tindakan pembatalan lesen atas faktor-faktor yang telah dinyatakan adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Nama Syarikat	Tindakan
1.	2009	Warith NY Travel & Tours	Pembatalan Lesen
2.	2009	Tijaratun Nur Travel & Tours	Pembatalan Lesen
3.	2010	Qaisar Travel & Tours	Pembatalan Lesen

Bil.	Tahun	Nama Syarikat	Tindakan
4.	2010	Permata El-Nur Travel & Tours	Pembatalan Lesen
5.	2010	Hijjaz Legend Travel & Tours	Pembatalan Lesen
6.	2012	J & J Mesra Travel & Tours	Pembatalan Lesen
7.	2013	Seven Seas Travel & Tours	Pembatalan Lesen
8.	2014	Yadh Travel & Tours Sdn. Bhd.	Pembatalan Lesen
9.	2014	ANF Holidays Sdn. Bhd.	Pembatalan Lesen
10.	2015	Madain Al-Taqwa Travel & Tours Sdn. Bhd.	Pembatalan Lesen
11.	2015	Irna Yakin Travel & Tours Sdn. Bhd.	Pembatalan Lesen
12.	2015	Agensi Pengembaraan Asari Murni Sdn. Bhd.	Dilarang menjalankan aktiviti Outbound
13.	2017	Ukhwah Firdausi Travel Sdn. Bhd.	Pembatalan Lesen

Kes-kes penipuan pakej umrah/ziarah yang melibatkan jenayah komersial dan jenayah kepenggunaan pula adalah di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Sekian, terima kasih.